

10/02/2004

Menterjemahkan Kuala Lumpur sebagai manifestasi budaya

Khalid Salleh

SECARA teorinya Kuala Lumpur ialah sebuah bandar raya membangun pesat dan memberi impak yang kuat kepada masyarakat sekelilingnya. Bayangan Kuala Lumpur menyuntik keinginan sebilangan besar masyarakat di daerah atau negeri untuk menyandarkan singgahsana mimpinya walaupun sekadar sebuah mimpi semata-mata.

Teater ialah antara mimpi yang tersarang dan mengerang di dalamnya. Kuala Lumpur mengerang kesakitan kerana tidak diberi nafas keindahan. Pengisian Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang gah tidak berasaskan keindahan struktur `dalaman'. Ia lebih bersifat luaran yang sarat dengan hiruk-pikuk kepelbagaian nama `papan tanda'. Dari pintu pejabat membawa ke segenap lorong dan tangga masjid, hiasan kata-kata yang penuh membawa pengertian baik sekadar menjadi lambang atau bacaan di atas papan mati semata-mata. Keadaan inilah yang menampilkan nama Kuala Lumpur sekali gus nama Malaysia kepada pelancong asing dan warga negara ini sendiri.

Jati diri Kuala Lumpur sekadar bangunan batu dan menara berkembar tertinggi di dunia. Selainnya, kebingitan bunyi kenderaan terutama pelumba haram yang bermaharajalela setiap malam minggu atau cuti umum. Bergemerlapan dengan lampu neon tidak bermakna ia sebuah keperibadian yang meletakkan nama bangsa, agama dan negara sebagai sesuatu yang perlu dibanggakan. Definisi kemajuan berkait rapat dengan pemikiran manusianya.

Teater, seni lukis, arca, muzik serta kesenian selainnya memerlukan pengiktirafan dari seluruh pemilik atau warga sesebuah kedaulatan. Bendera melambangkan kedaulatan sesuatu bangsa dan negara serta agama anutannya. Nilai bendera hanya sehelai kain yang tertera di permukaannya bentuk dan simbol dengan maknanya tersendiri. Ia didaulatkan melalui perisytiharan yang dipersetujui dan direstui kuasa tertinggi dalam pemerintahan sesebuah kerajaan atau negara.

Bendera tidak bermakna kain semata-mata apabila harkat kedaulatan telah diletakkan ke atasnya. Dalam sejarah peperangan bangsa terdahulu termasuk sejarah peperangan tentera musyirikin dengan Islam, bendera diterjemahkan sebagai lambang kemenangan atau kekalahan apabila terlepas atau terjatuh dari pegangan seseorang pembawanya. Ertinya, bendera adalah keperibadian yang mesti dipertahankan.

Nilai bendera mengandungi sejarah peradaban sesuatu bangsa yang memilikinya termasuk jati diri bangsa itu sendiri. Sehubungan itu bendera adalah kedaulatan bangsa, agama dan negara serta pemikiran manusianya. Maka bendera bererti sumpah dan maruah bangsa yang memilikinya. Itulah yang diperlakukan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir apabila meletakkan bendera Malaysia di atas tiangnya yang tertinggi di dunia. Permulaan itulah yang mengenalkan imej negara dilihat dan dihormati bangsa lain di dunia.

Namun ia masih memerlukan pemahaman dan kesedaran terhadap maruah bangsa yang ingin didaulatkan. Budaya fikir dan kesedaran melakukan kebaikan terhadap sesama manusia termasuk haiwan dan tumbuhan yang memberi manfaat kepada kehidupan manusia sangat rendah peratusnya jika di bandingkan Jepun umpamanya. Keprihatinan masyarakat Jepun terhadap persekitaran serta hal kebudayaan dan kesenian membolehkan ia terunggul di Asia dan menjadi pesaing kepada kuasa besar. Nilai kesenian dan kebudayaan tidak diabaikan sekalipun memiliki teknologi tercanggih di dunia.

Berbanding masyarakat kita yang melabelkan Islam sebagai agama rasminya

dan nilai sebagaimana dikatakan itu tidak ada sama sekali. Kecurian dan kehilangan sesuatu yang lumrah khususnya di Kuala Lumpur dan bandar selainnya. Pengenalan ke arah tamadun Islam tidak dibangun dari aspek kemanusiaannya. Maka orang Islam tidak segan menjadi pencuri atau menggelapkan wang rakyat (kerajaan). Kemajuan pemikiran harus dijadikan asas membina ketamadunan. Dengan itu, akal budi memahami adanya kebaikan yang sentiasa menunggu dilaksanakan selain asas rukun sebagai orang Islam yang sedia ada itu.

Budaya dan kesenian adalah kreativiti manusia memperlihatkan adanya nilai kebaikan selain mengenali dosa-pahala dan hukum-hakam yang menggariskan sempadan kebaikan dan keburukan antara sesama manusia dan kehidupan selainnya. Maka budaya dan kesenian adalah landasan ke arah pemikiran yang mana teori hukum dan keseimbangan meletakkan nilai kemanusiaan diguna pakai dalam kehidupannya.

Pemikiran bertolak dari suasana persekitaran yang mempengaruhinya. Persekitaran hidup manusia di negara ini secara umumnya ialah martabat yang dibangun dari benda mati. Maka peletakan nilai benda mati mengatasi segala-galanya. Sebab itu peranan kesenian dan kebudayaan dianggap tidak penting dalam pemikiran sejumlah besar masyarakat negara ini. Ia dianggap tidak menguntungkan dari segi material.

Keadaan inilah yang membentuk suasana naif (dangkal dan tidak matang) terhadap pemikiran manusianya. Maka itu peranan kerajaan tempatan khususnya Kuala Lumpur yang menjadi imej pembentukan manusianya, harus memperincikan nilai kesenian dan kebudayaan sebagai pintu laluan ke arah pemikiran manusianya. Teater, seni lukis, arca dan kesenian selainnya harus diperkenalkan sebagai produktiviti yang menggerakkan nilai pemikiran senimannya. Dengan itu, apresiasi masyarakat mengarah kepada erti kesenimanan dan kreativiti seni secara umumnya.

Budaya lepak harus dijadikan ukuran sejauh mana kerajaan khususnya Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan telah meletakkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan sebagai perkara pokok dalam pembinaan bangsa, agama dan negara. Di sinilah perlunya Kuala Lumpur diterjemahkan sebagai manifestasi kebudayaan dan kesenian kerana Kuala Lumpur adalah jantung kepada persekitaran manusia dan lingkungan sejarah kemajuan budaya yang diamalkannya. Bagaimana merealisasikan?